



**GARIS PANDUAN UMUM PELAKSANAAN KERJA UNDI  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR  
TAHUN 2021 SECARA *LIVE STREAMING***

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Gombak akan melaksanakan proses kerja undi secara *live streaming* (Facebook JPS Daerah Gombak) sebagai mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0).

Pendaftaran kontraktor untuk menyertai proses undi ini akan dilaksanakan secara *online* melalui sistem Tender Online Selangor 2.0. Melalui sistem Tender Online Selangor 2.0 ini, kontraktor **WAJIB** memuat turun borang persetujuan menyertai kerja undi yang telah diiklankan dengan melengkapkan borang tersebut serta memuatnaik dokumen-dokumen yang diperlukan dan menghantar ke emel JPS Daerah Gombak (undigombak@gmail.com) yang telah disediakan. **Pendaftaran secara online sahaja diterima** dan urusetia jabatan akan menyenaraikan kontraktor yang berjaya tapisan pendaftaran untuk paparan umum sebelum proses cabutan undi diadakan. Kontraktor tidak perlu hadir ke Pejabat JPS Daerah Gombak untuk mengemukakan dokumen yang berkaitan.

Syarat-syarat kelayakan kontraktor untuk menyertai proses kerja undi ini adalah seperti berikut :

1. Terbuka pada kontraktor Kejuruteraan Awam kelas G1 yang berdaftar di daerah Gombak sahaja. (kod bidang pengkhususan akan dinyatakan oleh JPS Daerah berdasarkan kerja yang ditawarkan);
2. Mana-mana Kontraktor Kejuruteraan Awam kelas G1 yang telah berjaya mendapat kerja bersama Jabatan ini pada tahun 2021, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai program kerja undi ini dan Kerja Undi Fasa seterusnya (jika ada);
3. Kontraktor hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB). Sijil pendaftaran UPEN hendaklah masih berkuatkuasa;
4. Mana-mana kontraktor yang telah menghantar borang pendaftaran dalam talian, adalah **BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH TIDAK BENAR, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK DISENARAikan DAN TIDAK LAYAK MENDAPAT SEBARANG KERJA DALAM PROSES UNDI INI.**

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Tarikh mula <b>IKLAN</b> dan <b>PENDAFTARAN</b> kontraktor.	13 JULAI 2021 (SELASA)
2	Tarikh <b>TUTUP</b> penerimaan pendaftaran dokumen melalui emel JPS Daerah Gombak	23 JULAI 2021 (JUMAAT) <b>JAM 12.00 TENGAHARI</b>
3	Senarai Awal Kontraktor Layak Memasuki Proses Undi	30 JULAI 2021 (JUMAAT)
	(a) Proses rayuan (jika ada)	<b>2 OGOS 2021 (ISNIN)</b> hingga <b>4 OGOS 2021(RABU)</b> Jam 12.00 tengahhari
	(b) Senarai akhir Kontraktor Layak Memasuki Proses Undi	<b>4 OGOS 2021(RABU)</b>
4	Proses Undi Berlangsung di secara <i>Live Streaming</i> (Facebook JPS Daerah Gombak)	06 OGOS 2021 (JUMAAT) <b>Jam 10.00 Pagi</b>
5	Paparan Notis Keputusan Undi ( <b>Di Facebook JPS Gombak</b> )	9 OGOS 2021 (ISNIN)